

TPM: Masih terlalu awal bincang barisan kepimpinan baru

UM 20/10/03

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, adalah terlalu awal untuk bercakap mengenai barisan kepimpinan baru walaupun beliau akan mula mengambil alih jawatan Perdana Menteri akhir bulan ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, apa juga yang berkaitan dengan perkara itu termasuk siapa yang akan menjadi Menteri Kewangan akan ditentukan kemudian.

“Masih terlalu awal. Kita akan tentukan kemudian,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan siri televisyen Careers X-Pose dan projek Tekad Promuda anjuran Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada akan turut memegang jawatan Menteri Kewangan setelah berlaku peralihan kuasa bulan depan.

Abdullah akan mengambil alih teraju pemerintahan negara apabila Perdana Menteri Datuk Seri

Dr. Mahathir Mohamad bersara mulai bulan depan.

Pada 31 Oktober ini Dr. Mahathir akan melepaskan jawatannya kepada Abdullah dalam satu proses peralihan kuasa yang teratur selepas memimpin negara selama 22 tahun.

Dengan persaraan Perdana Menteri, timbul pelbagai persoalan mengenai barisan kepimpinan baru terutama jawatan Timbalan Perdana Menteri dan jawatan Menteri Kewangan yang turut disandang oleh Dr. Mahathir sekarang.

Selain Dr. Mahathir, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis menyandang jawatan Menteri Kewangan Kedua.

Bagaimanapun kata Abdullah, perkara itu masih terlalu awal untuk dibincangkan.

Ditanya bila beliau akan membuat pengumuman mengenai barisan kepimpinan baru Abdullah berkata: “Masih terlalu awal, terlalu awal.”